# KOLEKSI INFO PUU

2022

# KOLEKSI INFO PUU

# 2022

**Penerbit UTeM Press**
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
2023

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

CETAKAN PERTAMA 2023

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan dalam sebarang bentuk menggunakan sebarang alat sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Penerbit UTeM Press, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)
Ahli Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)
Ahli Clarivate Analytics

**Diterbitkan dan Dicetak di Malaysia oleh**
Penerbit UTeM Press
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka, Malaysia.
Tel: +606 270 1241 Faks: +606 270 1038

# ISI KANDUNGAN


| NO INFO | TAJUK | HALAMAN |
|---|---|---|
| Sekapur Sireh | | 5 |
| 1/2022 | Azam Tahun Baharu 2022 | 6 |
| 2/2022 | 4 Kesalahan Utama Rasuah | 7 |
| 3/2022 | Kampus Bebas Asap Rokok | 8 |
| 4/2022 | Membuat Panggilan Kecemasan Palsu | 9 |
| 5/2022 | Kesilapan dalam Pembayaran (Berdasarkan Seksyen 73 Akta Kontrak 1950) | 10 |
| 6/2022 | Etika Pakaian | 11 |
| 7/2022 | Akta Keganasan Rumahtangga 1994 | 12 |
| 8/2022 | Perlukah Dokumen Kontrak Disetemkan? (Akta Setem 1949) | 13 |
| 9/2022 | Gangguan Seksual | 14 |
| 10/2022 | Apa Kesan Bankrap? | 15 |
| 11/2022 | Larangan Penyalahgunaan Dadah | 16 |
| 12/2022 | Kesalahan Tidak Hadir Bertugas | 17 |
| 13/2022 | Kewajipan Tugas Atau Kepentingan Peribadi? | 18 |
| 14/2022 | Kenali Hakmilik Tanah | 19 |
| 15/2022 | Kesalahan di Bawah Akta Perkhidmatan Bomba 1988 | 20 |
| 17/2022 | Rahsia Rasmi Kerajaan | 21 |
| 19/2022 | Awas Penipuan dalam Talian | 22 |
| 20/2022 | Dokumen/Surat Cara | 23 |
| 21/2022 | Uruskan Kewangan Anda dengan Bijak | 24 |
| 22/2022 | Jangan Menggunakan Pengaruh Luar | 25 |
| 23/2022 | Gangguan Seksual di Tempat Kerja | 26 |
| 24/2022 | Penyuntingan dan Penerbitan di Bawah Akta 605 | 27 |
| 25/2022 | Larangan Membuat Pertanyaan Awam | 28 |
| 26/2022 | Yuran Guaman | 29 |
| 29/2022 | Perwakilan Kuasa Pejabat PUU Sebagai Pentadbir Sistem Taksiran dan Pembayaran Duti Setem (STAMPS) | 30 |

| | | |
|---|---|---|
| 30/2022 | Akta Kanak-kanak 2001 | 31 |
| 31/2022 | Duti STAMPS | 32 |
| 33/2022 | Perisytiharan Harta | 33 |
| 37/2022 | Laporan Penglibatan Diri dalam Politik | 34 |
| 38/2022 | Senarai Semak Dokumen/Surat Cara | 35 |
| 39/2022 | Tanggungjawab Ketua Jabatan di Bawah Jadual Kedua, Akta Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 – Siri 1 | 36 |
| 40/2022 | Tanggungjawab Ketua Jabatan di Bawah Jadual Kedua, Akta Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 – Siri 2 | 37 |
| 41/2022 | Tanggungjawab Ketua Jabatan di Bawah Jadual Kedua, Akta Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 – Siri 3 | 38 |
| 43/2022 | Duti Setem | 39 |
| 44/2022 | Duti Setem: Tempoh Penyeteman | 40 |
| 45/2022 | Jenis Duti Setem | 41 |
| 47/2022 | Ikat Jamin Mahkamah | 42 |
| 48/2022 | Prosiding Jenayah | 43 |
| 49/2022 | Apakah Hak-hak Subjek Data? | 44 |
| 50/2022 | Peniaga Online Wajib Papar Lapan (8) Info | 45 |
| 51/2022 | Prosiding Jenayah: Apakah Saya Perlu Lakukan Jika Didakwa? | 46 |
| 52/2022 | Pinjaman Tidak Wujud | 48 |
| 53/2022 | Undang-undang Jenayah Vs Undang-undang Sivil | 49 |
| 54/2022 | Taklimat STAMPS | 50 |
| 55/2022 | Kepentingan Penyeteman | 51 |
| 56/2022 | Kaedah Penyeteman | 52 |
| 57/2022 | Apa Itu Hak Cipta? | 53 |
| 58/2022 | Bentuk Pelanggaran Hak Cipta | 54 |
| 59/2022 | Siapa Yang Boleh Menangkap Perasuah? | 55 |
| 60/2022 | Larangan Menjual Telur Penyu! | 56 |
| 61/2022 | Jenis-jenis Hukuman yang Diperuntukkan kepada Kanak-kanak | 57 |
| 62/2022 | Kesalahan Peniaga yang Boleh Disiasat Akta Kawalan Harga dan Antipecatutan 2011 | 58 |
| 63/2022 | Kebaikan Penyeteman Secara Atas Talian | 59 |
| 64/2022 | Penalti Lewat Penyeteman | 60 |
| 65/2022 | Kategori Perolehan | 61 |
| 66/2022 | Isu-isu Pelaksanaan Kontrak | 62 |
| 67/2022 | Prosiding Jenayah: Reman | 63 |


**Harap maklum bahawa info pemakluman berkaitan pentadbiran Pejabat PUU tidak dimasukkan dalam senarai di atas.

# SEKAPUR SIREH

Assalamualaikum Wrt Wbt & Salam Sejahtera,

Pertamanya dipanjatkan segala puji ke hadrat Allah SWT dengan izinNya Pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) buat pertama kalinya dapat menyediakan buku 'Koleksi Info PUU 2022' yang telah dikeluarkan melalui medium emel 'Info UTeM' sepanjang tahun 2022.

Seperti yang kita semua sedia maklum, tahun 2022 merupakan tahun kebangkitan setelah hampir dua tahun dunia dilanda penularan wabak virus Covid-19. Justeru itu, pihak PUU menggunakan peluang ini dengan berkongsi pelbagai maklumat berkaitan cabang ilmu undang-undang bersama warga UTeM dan ia disediakan hasil kreativiti oleh warga PUU sendiri. Perkongsian ilmu ini disediakan dalam bentuk poster/infografik bagi menarik minat membaca dalam kalangan warga UTeM.

Besar harapan kami agar buku 'Koleksi Info PUU 2022' ini dapat memberikan manfaat kepada warga UTeM dalam menjalani kehidupan dan tugasan harian. InsyaAllah Pejabat PUU akan terus komited untuk berkongsi ilmu undang-undang untuk tahun-tahun yang mendatang.

Terima kasih.



**DATUK AZHAR MOHAMED**
**Penasihat Undang-Undang UTeM**

# SELAMAT TAHUN BAHARU

## AZAM TAHUN BAHARU 2022

1. Berdisiplin & berintegriti



2. Berfikiran positif & optimistik




3. Menghormati masa



4. Patuhi undang-undang & arahan



**INFO PEJABAT PUU**
**BIL. 1/2022**

# 4 KESALAHAN UTAMA RASUAH

MEMBERI





MENERIMA

MEMBUAT TUNTUTAN PALSU






SALAH GUNA KUASA

**INFO PEJABAT PUU**
**BIL. 2/2022**

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
*adalah*
# Kampus Bebas Asap Rokok

*Info*

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 5 Tahun 2016 yang bersidang pada 31 Oktober 2016 telah meluluskan Peraturan Kampus Bebas Asap Rokok di UTeM.



## Peraturan Kampus Bebas Asap Rokok di UTeM
**Melalui Pekeliling Pentadbiran Bil. 55 Tahun 2016**

- Melakukan kesalahan merokok boleh dikenakan notis teguran atau denda tidak melebihi **RM100.00** bagi staf, pelajar, pekerja bukan staf, pelawat rasmi dan orang awam.
- Kegagalan memberi maklum balas notis teguran atau menjelaskan bayaran denda boleh dikenakan tindakan tatatertib dan maklumat kesalahan akan direkodkan di dalam buku rekod perkhidmatan staf dan lain-lain rekod yang berkaitan selain staf.

INFO PEJABAT PUU BIL. 3/2022



# MEMBUAT PANGGILAN KECEMASAN PALSU



Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM50,000.00 atau penjara tidak lebih 1 tahun atau kedua-duanya sekali di bawah Akta Komunikasi & Multimedia 1998.



**INFO PEJABAT PUU**
**BIL. 4/2022**

# KESILAPAN DALAM PEMBAYARAN (BERDASARKAN SEKSYEN 73 AKTA KONTRAK 1950)





TIDAK MUSTAHIL UNTUK SESEBUAH ORGANISASI MELAKUKAN KESILPAN DIDALAM MEMBUAT APA-APA PEMBAYARAN YANG PERLU DIBAYAR KEPADA MANA-MANA ORANG.

**Seksyen 73 Akta Kontrak 1950 - "A person to whom money has been paid, or anything delivered by mistake or under coercion, must repay or return it."**



PIHAK YANG MENERIMA TIDAK BOLEH BERHUJAH BAHAWA PENERIMA TIDAK BERSALAH KERANA SUCI HATI ATAU KESILAPAN PEMBAYARAN TERSEBUT ADALAH KECUAIAN PEMBAYAR, MAKA SI PEMBAYAR PERLULAH MENANGGUNG RISIKO ATAS KECUAIAN MEREKA SENDIRI. HUJAHAN SEBEGINI TIDAK MENAFIKAN PRINSIP 'UNJUST ENRICHMENT'.



PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG YANG RELEVAN IALAH **SEKSYEN 73 AKTA KONTRAK 1950**. BERMAKNA, JIKA SESEORANG MENERIMA BAYARAN SECARA SILAP, BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MEMULANGKAN SELARAS DENGAN KEHENDAK **SEKSYEN 73 AKTA KONTRAK 1950** JUGA BERSANDARKAN PRINSIP , DUIT YANG DIPEROLEHI DAN DITERIMA (*MONEY HAD AND RECEIVED*) DAN *UNJUST ENRICHMENT*.

**# PHILEO ALLIED BANK (M) Sdn. Bhd. v SHAHRUL BAHTIAR TUMPANG & Ors. [2008] 9 CLJ344**



*'Pursuant to s. 73 of the Contracts Act 1950, the defendant being persons who in the circumstance were persons to whom money has been paid or anything delivered by mistake must repay or return it. Nothing in the said s. 73 provides an exception to an innocent party. Thus, even if the defendants were innocent and were themselves the victim of a fraudulent scheme, the nature of the payment or delivery to them by the plaintiff remained the same, and pursuant to s. 73 the plaintiff was entitled to repayment or return of it.'*

**# Green Continntal Furniture (M) Sdn. Bhd. v Tenaga National Berhad [2011] 9 CLJ 92**

*"Bayaran yang telah dibuat adalah lebih daripada bayaran yang sepatunya. Defendan tidak berhak kpeada wang yang terlebih bayar ini dan dari segi undang-undang semulajadi dan ekuti, adalah tidak adil atau 'unconscionable' untuk defendan tidak mengembalikan wang tersebut kepada plaintif. Sebaliknya dengan menyimpan wang yang terlebih bayaran tersebut, defendan memperolehi 'unjust enrichment'. Maka defendan mempunyai obligasi untuk memulangkan wang yang berlebihan yang telah diterimanya. Defendan tidak memplid atau mengemukakan apa-apa keterangan bahawa defendan telah mengubah kedududkan. Oleh itu, tidak ada prejudis atau tidakadilan sekiranya defendan dikehendaki untuk memulangkan wang yang terlebih bayar tersebut."*



## KESIMPULAN



**Prinsip perundangan di bawah seksyen 73 Akta Kontrak 1950 dan prinsip unjust enrichment dan money had and recieved adalah jelas dan nyata tidak membenarkan terimaan wang yang diterima secara silap. Maka, sebarang terimaan wang secara silap tetap atau perlu dikembalikan oleh penerima kepada pembayar.**

PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG, UTeM
INFO PEJABAT PUU BIL.5/2022

# ETIKA PAKAIAN




| | |
|---|---|
| Pakaian pejabat | T-shirt/pakaian tidak berlengan |
| Lounge suit | Seluar jeans |
| Baju korporat | Seluar/skirt pendek |
| Baju melayu/kurung | Pakaian ketat/jarang |
| Pakaian-pakaian lain yang dibenarkan oleh pihak UTeM | Seliper/topi |

Pergi ke kedai membeli gula
Gula dibeli bersama jamu
Berpakaian sopan budaya kita
Dipandang lama rasa tak jemu

INFO PEJABAT PUU
BIL. 6/2022

# AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA 1994

Suatu akta yang memberikan perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga

Jenis-Jenis "Keganasan Rumah Tangga":-

Seksyen 2, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994:-

(1) ketakutan kecederaan fizikal.

(2) kecederaan fizikal.

(3) ancaman/perbuatan seksual.

(4) mengurung/menahan mangsa.

(5) Khianat/Kemusnahan/Kerosakan harta.

INFO PEJABAT PUU
BIL. 7/2022

# PERLUKAH DOKUMEN KONTRAK DISETEMKAN?
# (AKTA SETEM 1949)

## KEPERLUAN DOKUMEN KONTRAK

Salah satu sebab sesuatu perjanjian, akujanji, suratikatan dan lain-lain persetujuan dibuat secara bertulis untuk memudahkan pengurusan persetujuan itu dan tanpa didokumenkan, adalah sukar untuk pihak-pihak mengemukakan dan membuktikan apa yang telah dipersetujui.



## TAPI, APA KEPERLUAN DISETEMKAN?

Mengelak daipada dikenakan denda mengikut seksyen 63 (1) Akta Setem 1949 iaitu berkenaan dengan penalti bagi melaksana dan mendatangani dokumen tanpa disetemkan boleh dikenakan denda :

*"Mana-mana orang yang -*
*(a) dengan tujuan mengelak bayaran duti, menyedia, membuat, melaksana atau menandatangani, selain daripada sebagai saksinya, mana-mana suratcara walau apapun jenisnyayang dikenakan duti tanpa ia* ***disetemkan sewajarnya****; atau*
*(b) telah menyedia, membuat, melaksana atau menandatangani, selain darpada sebagai saksinya mana-mana suratcara walau apapun jenisnya yang dikenakan duti, tanpa alsan yang sah, gagal melaksanakan* ***penseteman sewajarnya*** *baginya dalam masa suratcara itu boleh disetemkan tanpa penalti di bawah Akta ini; - BOLEH DIKENAKAN DENDA TIDAK MELEBIHI SATU RIBU LIMA RATUS RINGGIT."*



## TAPI, APA KEPERLUAN DISETEMKAN?

Bagi membolehkan dokumen berkenaan diterima sebagai keterangan di mahkamah, terutama semasa dikemukan sebagai keterangan dalam tindakan sivil diantara pihak-pihak sepertimana yang diperuntukan pada **seksyen 52 (1) Akta Setem 1949:**

*"Tiada suratcara yang dikenakan duti boleh diterima sebagai keterangan untuk apa-apa tujuan oleh mana-mana orang yang mempunyai kuasa di bawah undang-undang atau dengan dipersetujui pihak-pihak untuk menerima keterangan, atau untuk bertindak daripadanya, mendaftar, atau menetusah oleh orang tersebut atau mana-mana pegawai awam,* ***melainkan suratcara itu telah disetemkan sewajarnya****."*

## APAKAH MAKSUD "DISETEMKAN SEWAJARNYA"?

*"bermaksud suratcara itu mempunyai satu setem yang direkatkan atau diterankan dengan amaun yang tidak kurang daripada yang sebenarnya dan setem berkenaan telah ditampal atau digunakan mengikut undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia."*

## KESIMPULAN



Maka, adalah penting untuk setiap pihak yang memasuki apa-apa jenis dokumen kontrak atau suratcara menguruskannya dengan betul dimana salah satu proses yang mestilah diambil perhatian adalah perseteman kontrak atau suratcara itu sendiri. Kegagalan disetemkan, dokumen berkenaan tidak dapat dikemukan sebagai keterangan semasa perbicaraan di mahkamah dan menyukarkan pihak-pihak sedangkan dokumen tersebut menjadi rujukan utama di mahkamah.

PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG, UTeM
INFO PEJABAT PUU BIL.8/2022

# GANGGUAN SEKSUAL

SEBARANG PERBUATAN YANG BOLEH MENYEBABKAN SESEORANG YANG WARAS TERSINGGUNG, TERHINA ATAU TERGUGAT BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB. CONTOH-CONTOH GANGGUAN SEKSUAL:-

- BERCERITA/JENAKA LUCAH
- MEMBUAT SEBARANG ISYARAT LUCAH
- MENYENTUH ANGGOTA SENSITIF BADAN

**INFO PEJABAT PUU**
**BIL. 9/2022**

# APA KESAN BANKRAP?

PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG
INFO PEJABAT PUU BIL.10/2022

## 1. AKAN BERADA DI BAWAH PENGAWASAN KETUA PENGARAH INSOLVENSI (KPI)

Kerana apabila anda telah bankrap/muflis, semua kewangan dan aset anda akan diurus oleh KPI untuk membayar hutang sehingga langsai.

## 2. TIDAK BOLEH KE LUAR NEGARA

Apabila anda diisytihar bankrap/muflis, anda akan disekat daripada ke luar negara tanpa mendapatkan kebenaran bertulis dahulu daripada KPI melalui perintah mahkamah.

## 3. AKAUN BANK DITUTUP & DIKENAKAN HAD KREDIT

Sekiranya bankrap/ muflis, akan menyebabkan akaun bank anda ditutup dan semua transaksi akan disekat. Anda juga tidak dibenarkan berbelanja lebih dari RM1,000.00 menggunakan kad kredit.

## 4. SEMUA ASET DISITA

Semua aset anda akan disita untuk diuruskan oleh KPI. Aset ini termasuk alih dan tidak alih seperti kereta/rumah/tanah yang dimiliki atas nama anda.

## 5. PELUANG KERJA TERHAD

Peluang anda untuk bekerja di mana-mana syarikat atau agensi mungkin sangat rendah kerana terdapat syarikat atau agensi yang polisnya tidak menerima pekerja yang berstatus bankrap/muflis.

## JADI, HARTA SAYA MACAM MANA?

Anda tidak boleh memindahkan atau menjual harta walaupun anda ketika itu belum lagi diisyitharkan bankrap/muflis. Jabatan Insolvensi Malaysia mempunyai kuasa untuk menarik balik semua pemindahan atau jualan yang dibuat terhadap harta anda.


Larangan
PENYALAHGUNAAN
DADAH
"Dadah adalah bahan (seperti ganja, heroin, marijuana, dsb) yang merosakkan atau membinasakan orang yang menggunakannya berlanjutan (merosakkan kesihatan, membawa maut, dll)"
~ Kamus Dewan Edisi Keempat ~
Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [AKTA 605]
Peraturan 6(1):
Seseorang pegawai tidak boleh menggunakan atau mengambil apa-apa dadah berbahaya, kecuali sebagaimana yang dipreskripsikan untuk kegunaannya bagi maksud perubatan oleh pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50], atau menyalahgunakan atau menagih apa-apa jenis dadah berbahaya.
Peraturan 6(4):
"Dadah Berbahaya" ertinya apa-apa dadah atau bahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama pada Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234].
Pegawai yang didapati menyalahgunakan dadah selain tujuan perubatan boleh dikenakan TINDAKAN TATATERTIB dengan tujuan BUANG KERJA.
INFO PEJABAT PUU BIL. 11/2022

# Kesalahan TIDAK HADIR BERTUGAS

## AKTA 605

**Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000**

**PERATURAN 22**
**Bahagian III, Jadual Kedua**

### KETIDAKHADIRAN TANPA CUTI

**TIDAK HADIR UNTUK BERTUGAS** adalah tidak hadir bagi apa-apa jua tempoh masa pada masa dan di tempat pegawai itu dikehendaki hadir bagi pelaksanaan tugas-tugasnya.

**PERATURAN 23**
**Bahagian III, Jadual Kedua**

Ketidakhadiran untuk bertugas oleh seorang pegawai **tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah** boleh menyebabkan pegawai itu dikenakan tindakan tatatertib.

**PERATURAN 26 (1)**
**Bahagian III, Jadual Kedua**

Jika seseorang pegawai telah **didapati bersalah** kerana tidak hadir bertugas tanpa cuti, dia tidak berhak kepada apa-apa emolumen bagi tempoh ketidakhadirannya dan **terlucut hak emolumen** tersebut walaupun Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan tidak mengarahkan pelucuthakan itu.

Pastikan anda mendapat kebenaran **KETUA JABATAN** bagi sebarang ketidakhadiran bertugas.

INFO PEJABAT PUU BIL. 12/2022

## Info Pejabat PUU
**BIL.13 TAHUN 2022**

# Kewajipan **TUGAS** atau Kepentingan **PERIBADI** ?

Peraturan 3[2][a],[b],[c] Akta Badan-Badan Berkanun [Tatatertib & Surcaj] 2000

CONTOH :

- MENJALANKAN URUSAN PERNIAGAAN DALAM WAKTU TUGAS RASMI PEJABAT
- MENGURUS SEBUT HARGA YANG MANA AHLI KELUARGANYA MEMPUNYAI KEPENTINGAN
- MENYALAHGUNAKAN KENDERAAN JABATAN SELAIN URUSAN RASMI PEJABAT
- MENYALAHGUNAKAN KEDUDUKAN DAN PANGKAT UNTUK MENDAPAT LAYANAN ISTIMEWA DARIPADA MANA-MANA PIHAK.



# CORETAN UNDANG-UNDANG TANAH

## Kenali Hakmilik Tanah

### APA ITU HAKMILIK?

Hakmilik ialah dokumen pemberimilikan atau pindahmilik yang menjadi bukti pemilikan tanah. Di dalamnya terdapat maklumat seperti pemilik tanah, lokasi tanah, nombor dokumen hakmilik. Disamping itu, terdapat juga maklumat seperti jumlah cukai tahunan, syarat tanah, pelan tanah dan sekatan kepentingan bagi tujuan mengingatkan pemilik tanah tentang perkara yang tidak boleh dilakukan pada tanah yang dimiliki.

### ADA BERAPA JENIS HAKMILIK?

#### HAKMILIK SEMENTARA (HS)

- Hakmilik ini BELUM dibuat pengukuran di bawah seksyen 396 KTN.
- Tanah ini masih belum memiliki status muktamad samada tanah pegangan bebas atau pajakan.
- Tanah HS boleh dijual beli tetapi tidak boleh dipecah sempadan, dipecah bahagi dan disatukan.
- Tujuan HS bagi membolehkan tanah diberimilik sebelum ukur halus selesai.
- HS adalah gerak sementara yang perlu ditukar ke geran kekal atau dikenali sebagai Hakmilik Tetap.

#### JENIS KOD HS

| PEJABAT PENDAFTAR | PEJABAT TANAH |
|---|---|
| **HS (D)**<br>• Terdiri dari tanah pegangan pajakan (leasehold) & bebas (freehold).<br>• Daftar dokumen hakmilik pada Borang 5BK.<br>• Rekod dokumen di PTG Negeri. | **HS (M)**<br>• Terdiri dari tanah pegangan pajakan (leasehold) & bebas (freehold).<br>• Daftar dokumen hakmilik pada Borang 5DK.<br>• Rekod dokumen di PTG Negeri. |

#### HAKMILIK TETAP (HT)

- Hakmilik ini TELAH dibuat pengukuran di bawah seksyen 396 KTN.
- Ia dikenali juga sebagai hakmilik muktamad (final title).
- Tanah hakmilik tetap boleh dijual beli termasuk dipecah sempadan, dipecah bahagi dan disatukan.
- Pembangunan boleh dilaksanakan di atas tanah ini.

#### JENIS KOD HT

| PEJABAT PENDAFTAR | PEJABAT TANAH |
|---|---|
| **Geran Negeri (GRN)**<br>• Tanah pegangan bebas (freehold).<br>• Daftar dokumen hakmilik pada Borang 5B. | **Geran Mukim (GM)**<br>• Tanah pegangan bebas (freehold).<br>• Daftar dokumen hakmilik pada Borang 5D. |
| **Pajakan Negeri (PN)**<br>• Tanah pegangan pajakan (leasehold).<br>• Daftar dokumen hakmilik pada Borang 5C. | **Pajakan Mukim (PM)**<br>• Tanah pegangan pajakan (leasehold).<br>• Daftar dokumen hakmilik pada Borang 5E. |

# KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988



**Seksyen 51, APB 1988**
Mengganggu Pegawai Bomba, Pegawai Bomba Bantuan atau Pegawai Bomba Sukarela melaksanakan tugas.

**Seksyen 52, APB 1988**
Gagal mematuhi arahan yang diberikan oleh pegawai untuk melaksanakan tugas.

**Seksyen 53, APB 1988**
Pemakaian pakaian seragam Jabatan Bomba dan Penyelamat atau pakaian yang mempunyai tanda khas tanpa kebenaran.

**Seksyen 56, APB 1988**
Memberi laporan palsu mengenai kebakaran atau bencana lain.





INFO PEJABAT PUU
BIL. 15/2022


RAHSIA RASMI KERAJAAN
Membocorkan rahsia rasmi Kerajaan adalah
SATU KESALAHAN!!!
"rahsia rasmi" ertinya apa-apa suratan yang dinyatakan dalam Jadual dan apa-apa maklumat dan bahan yang dikelaskan sebagai "Rahsia Besar", "Rahsia", "Sulit" atau "Terhad" mengikut mana yang berkenaan oleh seorang Menteri, Menteri Besar/Ketua Menteri Suatu Negeri atau mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah Seksyen 2B Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88].
- Akta Rahsia Rasmi 1972 [AKTA88] -
CONFIDENTIAL
Jika disabitkan kesalahan, boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang dari 1 tahun tetapi tidak melebihi 7 tahun di bawah Seksyen 8, Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88].
INFO PEJABAT PUU BIL. 17/2022


Awas Penipuan
Dalam Talian
JANGAN
Jangan kongsi maklumat peribadi atau data kewangan melalui emel dan mesej kepada pihak yang tidak dikenali.
JANGAN
Jangan muat turun atau tekan pautan dari emel dan mesej dari pihak yang tidak dikenali.
JANGAN
Jangan jawab sebarang panggilan dari luar negara kecuali panggilan daripada kenalan anda.
JANGAN
Jangan menggunakan Wi-Fi awam sewaktu membuat urusan penting seperti pembelian dalam talian atau perbankan dalam talian.
WiFi
PERLU
• Pastikan gajet ICT anda dipasang perisian antivirus.
• Lapor insiden atau ancaman siber kepada Polis atau Pusat Bantuan Cyber999 (1-300-88-2999).
INFO PEJABAT PUU BIL. 19/2022


DOKUMEN/
SURAT CARA
INFO PEJABAT PUU BIL. 20/2022
PASTIKAN DOKUMEN/SURAT CARA MEMPUNYAI TARIKH & TANDATANGAN.
PASTIKAN DOKUMEN/SURAT CARA MEMPUNYAI TEMPOH (JIKA BERTEMPOH).
PASTIKAN DOKUMEN/SURAT CARA MEMPUNYAI AMAUN YANG BETUL (JIKA MEMPUNYAI AMAUN).
PASTIKAN DOKUMEN/SURAT CARA DILULUSKAN OLEH PIHAK UNIVERSITI.
"IGNORANTIA JURIS NON EXCUSAT"
(IGNORANCE OF LAW IS NOT AN EXCUSE)


URUSKAN KEWANGAN ANDA DENGAN BIJAK
SESEORANG PEGAWAI TIDAK BOLEH DENGAN APA-APA CARA MENYEBABKAN DIRINYA BERADA DALAM KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS.
Peraturan 12 (1), Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]
Tahukah Anda?
Anda disifatkan sebagai berada dalam Keterhutangan Kewangan yang Serius sekiranya:
• Agregat hutang dan nilai tanggungan tidak bercagar pada bila-bila masa tertentu melebihi 6 kali emolumen bulanan;
• Anda seorang penghutang penghakiman dan hutang penghakiman tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan;
• Anda seorang bankrap, selagi belum dilepaskan daripada kebankrapan atau penghakiman kebankrapan belum dibatalkan.
Peraturan 12 (8), Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]
Keterhutangan kewangan yang serius akan dianggap sebagai memburukkan nama badan berkanun dan anda boleh dikenakan TINDAKAN TATATERTIB!
INFO PEJABAT PUU BIL. 21/2022

**Info Pejabat PUU**

**BIL.22 TAHUN 2022**

CAKNA AKTA 605

# JANGAN

## MENGGUNAKAN PENGARUH LUAR

Peraturan 3(2)(h) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000

## DILARANG

membawa atau cuba membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan apa-apa tuntutan berhubung dengan atau terhadap badan berkanun, sama ada tuntutan sendiri atau tuntutan pegawai lain terhadap badan berkanun.

**Contoh:**




- Meminta orang kenamaan untuk mempengaruhi urusan pelantikan, pertukaran, kenaikan pangkat.
- Meminta ahli politik untuk menyokong sebarang permohonan
- Menggunakan pengaruh luar untuk mendatangkan tekanan terhadap badan berkanun untuk mempercepat, mengutamakan, menerima atau lain-lain tindakan bertentangan dengan aturan standard kerja seseorang pegawai badan berkanun.

# Gangguan Seksual di Tempat Kerja

Ditakrifkan sebagai sebarang **perlakuan berunsur seksual** yang tidak diingini sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal, yang menyebabkan seseorang yang waras berasa **TERSINGGUNG**, **TERHINA** atau **TERUGUT**. Gangguan Seksual ini boleh terjadi kepada lelaki, perempuan atau sesama jantina.

## Contoh Gangguan Seksual

- Perbualan, jenaka, bunyi-bunyian, kritikan, pujian atau soalan berunsur lucah.
- Isyarat berunsur seksual seperti menggoda, merenung, mengintai, atau menjilat bibir.
- Menghantar mesej berunsur seksual menerusi media elektronik atau atas talian.
- Memegang, memeluk, menepuk, menggosok, mencubit, mencium atau meraba.
- Mendesak, mengugut atau memujuk rayu bagi memenuhi keinginan seksual yang menimbulkan tekanan emosi dan mental.

Utusan Online
2 h ·

Ketua Polis Daerah Klang Selatan, Asisten Komisioner Cha Hoong Fong berkata, berdasarkan siasatan mangsa berusia yang sedang menyusun barangan telah didatangi suspek berusia 35 tahun yang kemudian menepuk bahagian punggungnya.

https://www.utusan.com.my/nasional/2022/03/direman-14-hari-akibat-tepuk-punggung-janda/



UTUSAN.COM.MY
Direman 14 hari akibat tepuk punggung janda

Sekiranya seseorang pegawai didapati telah melakukan gangguan seksual, mereka boleh dikenakan **Tindakan Tatatertib** kerana melanggar peraturan di bawah Akta 605.

*- Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja di UTeM -*

INFO PEJABAT PUU BIL. 23/2022


UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
CAKNA AKTA 605
PENYUNTINGAN DAN PENERBITAN DI BAWAH AKTA 605
PERATURAN 17
Akta Badan-Badan Berkanun(Tatatertib&Surcaj)2000[Akta 605]
Larangan penerbitan maklumat rasmi terperingkat
(Rujuk kepada Seksyen 2, Akta Rahsia Rasmi 1972)
PERATURAN 19
Akta Badan-Badan Berkanun(Tatatertib&Surcaj)2000[Akta 605]
Larangan penyuntingan dan penerbitan selain daripada:
1 penerbitan jabatan
2 penerbitan profesional
3 penerbitan organisasi sukarela bukan politik
4 penerbitan diluluskan oleh Ketua Pengarah
RUJUKAN DALAMAN
Surat Edaran Pentadbiran Bil.12/2018
Pekeliling Pentadbiran Bil.6/2022
Undang-undang, dasar, peraturan, pekeliling lain yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa
INFO PEJABAT PUU BIL.24/2022


Larangan Membuat
Pernyataan Awam
Pernyataan Awam termasuklah membuat apa-apa pernyataan atau ulasan kepada pihak akhbar atau orang ramai atau semasa memberikan apa-apa syarahan atau ucapan awam atau dalam apa-apa penyiaran atau penerbitan, tanpa mengambil kira caranya.
Semua Staf Dilarang/ Ditegah
(a) membuat apa-apa pernyataan awam mengenai dasar, rancangan atau keputusan badan berkanun atau Kerajaan
(b) membuat pernyataan yang boleh memburukkan nama badan berkanun atau Kerajaan
(c) membuat ulasan tentang kelemahan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan badan berkanun atau Kerajaan
(d) mengedarkan apa-apa pernyataan atau ulasan, sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain
Mana-mana staf yang melanggar peraturan ini boleh dikenakan TINDAKAN TATATERTIB dibawah Peraturan 18 (1) dan Peraturan 18 (2), Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [AKTA 605].
INFO PEJABAT PUU BIL. 25/2022

# YURAN GUAMAN : bagi transaksi jual beli / pindahmilik hartanah

## Apakah yuran guaman?

Yuran guaman adalah kos yang perlu anda bayar kepada peguamcara yang dilantik untuk menyediakan Perjanjian Jual Beli ("SPA") dan menguruskan transaksi jual beli hartanah

Yuran guaman bagi jual beli / pindah milik hartanah wajib mematuhi skala ditetapkan di dalam Perintah Saraan Peguam Cara (Pindaan) 2017 di bawah Akta Profesyen Undang-Undang 1976

## Siapa yang perlu tanggung?

Ia bergantung kepada pihak mana yang memulakan hasrat kepada jual beli tersebut atau yang melantik peguam untuk menguruskan transaksi

Biasanya peguam akan dilantik penjual, tetapi pembeli juga boleh memilih untuk melantik peguam

*TETAPI, ada juga keadaan, pemaju yang akan menanggung yuran guaman dan ia melibatkan jual beli hartanah yang dibeli dengan pemaju

## Apakah skala yuran guaman?

Yuran guaman Dikira Berdasarkan Skala fi pada Jadual Pertama Perintah Saraan Peguam Cara (Pindaan) 2017, untuk Jualan dan Pindah Milik

| Balasan/Nilai SPA | Skala Fi |
|---|---|
| RM500,000.00 yang pertama | 1.0% |
| RM500,000.00 yang berikutnya | 0.8% |
| RM1,000,000.00 yang berikutnya | 0.7% |
| RM1,000,000.00 yang berikutnya | 0.6% |
| RM2,500,000.00 yang berikutnya | 0.5% |
| Balasan/nilai yang dihukumkan melebihi RM7,500,000.00 | Boleh dirunding atas lebihan (tetapi tidak boleh melebihi 0.5%) |

## Apakah cara kiraan yuran guaman?

